

Seri Paduka arah henti salah guna masjid

Oleh Jamhariah Jaafar dan Zulkofli Jamaludin

BH 15 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mahu perbuatan menyebarkan fatwa palsu yang bercanggah dengan hukum Islam serta penyalahgunaan masjid dan surau dihentikan serta merta.

Seri Paduka juga mengingatkan rakyat, terutama cerdik pandai Islam, supaya jangan memecahbelahkan ummah dengan melakukan penyalahgunaan ilmu, menyeweleng tafsiran agama, menyebarkan kebencian, menghasut, memfitnah dan berbohong untuk faedah serta kepentingan peribadi atau kumpulan.

Ketika membuat peringatan itu pada ucapan perasmian penggal kedua Majlis Parlimen Ke-10 di sini hari ini, baginda menegaskan semua pihak mesti bertanggungjawab dalam memelihara kemuliaan Islam dan kewibawaan umatnya.

“Sejak akhir-akhir ini beta mendapati ada pihak tertentu menjalankan kegiatan yang bercanggah dengan ajaran sehingga masyarakat Islam berpecah dan keharmonian hidup bernegara terganggu,” titahnya dalam ucapan yang disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Turut hadir Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aisyah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, anggota Kabinet serta ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Seri Paduka berharap rakyat kembali mengukuhkan perpaduan untuk memastikan pelaksanaan program pembangunan berjalan pesat dan lancar.

Penghayatan dan amalan fardu kifayah pula, titah baginda, dapat menjamin ketahanan ummah dan pembangunan negara.

“Umat Islam di Malaysia seharusnya melaksanakan tuntutan fardu kifayah untuk memajukan masyarakat dan negara dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial, perniagaan dan keselamatan negara.

“Kerajaan sudah melaksanakan pelbagai program untuk memberi peluang kepada rakyat melaksanakan fardu kifayah, termasuk memperluaskan aktiviti seperti kewangan Islam, kemudahan berdakwah, kesihatan dan pendidikan,” titahnya.

Seri Paduka menjelaskan mengenai pentingnya rakyat mengekalkan perpaduan ne-

gara kerana kestabilan menjadi faktor asas dan penentu kepada kejayaan memajukan ekonomi pada alaf baru.

Kerajaan pula, titahnya, akan memastikan agenda sosial terutama usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat terus dilaksanakan supaya lebih ramai rakyat dapat menyertai arus pembangunan negara.

“Kita harus gigih memerangi gejala yang merosakkan perpaduan kaum sama ada menyentuh perpaduan antara kaum, mahupun berkaitan aqidah dan perpaduan di kalangan orang Islam,” titahnya.

Dalam sektor pendidikan, Seri Paduka menjelaskan kerajaan akan memantapkan sistem pendidikan negara agar lebih responsif bagi menangani cabaran alaf baru dan mencapai Wawasan 2020.

Baginda bertitah, perubahan dalam dasar pendidikan dari peringkat rendah sehingga ke peringkat tinggi diperlukan untuk memenuhi keperluan tenaga manusia serta mempercepatkan proses pembangunan negara.

“Ia juga bertujuan menyiapkan diri pelajar bagi menghadapi cabaran yang lebih kritikal pada abad ini,”

titahnya.

Sehubungan itu, Seri Paduka mahu usaha membudayakan teknologi maklumat (IT) dilaksanakan dengan mewajibkan dan menggalakkan pelajar mempelajari IT dan menggunakannya sebagai alat dalam proses pembelajaran.

Baginda juga yakin pelaksanaan projek sekolah bestari dan perluasan program komputer dalam pendidikan akan melahirkan generasi yang celik IT, berbudaya ilmu, bermaklumat serta bersifat global.

Kerajaan, titah baginda, akan terus memberi keutamaan melengkapkan belia dengan kecekapan dalam semua bidang, termasuk kemahiran, peningkatan ilmu pengetahuan dan pembentukan usahawan.

Di samping itu, baginda mahu penekanan terus diberi dalam menerapkan nilai-nilai murni dan pembentukan sikap positif dan kreatif di kalangan belia.

“Adalah penting golongan belia memahami perjuangan bangsa supaya mereka mempunyai perasaan bersyukur dan berterima kasih, di samping melaksanakan tanggungjawab sebagai warga yang cintakan negara,” titahnya.